

Kunjungan bukti hubungan erat Malaysia - AS

KUALA LUMPUR - Lawatan Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama (**gambar**) ke negara ini pada penghujung April depan menunjukkan Malaysia mempunyai hubungan akrab dengan negara kuasa besar itu.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh, berkata, bukan mudah pemimpin seperti Obama mahu datang ke negara seperti Malaysia tanpa terlebih dahulu melihat kestabilan tempat yang hendak dikunjunginya.

"Obama sepatutnya datang ke negara ini lebih awal pada tahun lepas tetapi disebabkan perkara-perkara tertentu, niatnya dibatalkan.

"Bagaimanapun, dia telah menunaikan janjinya untuk berkunjung ke negara ini dan pastinya banyak perkara akan dibincangkan, terutamanya dalam menjaga hubungan diplomatik," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Mohamad Noorizuddin lagi, beliau yakin banyak perkara lain akan dibincangkan oleh Obama dengan pemimpin di negara ini, terutamanya dalam aspek keselamatan dan ekonomi serantau.

Kelmarin, Kedutaan Besar AS di Malaysia dalam kenyataannya menyatakan, Obama akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada lawatan rasmi tersebut.

